

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

BANDAR BRUNEI, RABU, 16 SEPTEMBER, 1959 (14 Rabi'ul, 1379).

PERCHUMA

Baginda mengambil peranan memulehkan negara

ALLAH LANJUTKAN USIA DYMM SULTAN

BANDAR BRUNEI. — Seluruh ra'ayat Negeri Brunei akan bergembira menyambut dan merayakan hari keputeraan ke-43 Raja mereka, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, pada 23 September ini.

Hari itu telah di-umumkan sa-bagai hari kelepasan am. Pejabat2 kerajaan, sharikat2 perniagaan, gudang2 dan bank2 akan ditutup.

Mereka semua-nya akan bersama bershukor dan berdoa kepada Tuhan melanjutkan usia baginda.

Sambutan yang akan datang ini ia-lah yang ke-10 semenjak baginda naik takhta kerajaan dalam tahun 1950 dan kerana mengingatkan hari itu di-bawah ini ia-lah chatetan riwayat hidup Duli Yang Maha Mulia.

Duli Yang Maha Mulia telah di-puterakan di-Bandar Brunei pada 23 September, 1916, dan telah mendapat pelajaran di-Malaya di-Malay College, Kuala Kangsar.

Baginda telah berkhidmat sa-bagai pegawai di-beberapa buah pejabat Kerajaan Brunei. Sa-lepas perang dunia kedua baginda telah mengambil peranan yang penting dalam ranchangan2 pemulehan negeri.

Tidak lama kemudian baginda telah di-lantek menjadi Wazir pertama dengan gelaran Duli Pengiran Bendahara dan sa-ren-

tak dengan lantekan itu di-angkat menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri.

Duli Yang Maha Mulia telah naik takhta kerajaan dalam bulan June 1950 menggantikan paduka



D.Y.M.M. SULTAN

kakanda baginda Sultan Ahmad Tajuddin yang telah mangkat dan telah di-mahkotakan di-Bandar Brunei dalam tahun 1951.

Baginda ia-lah sa-orang penggemar sukan, khas-nya perlumbaan laut, memandu kereta dan berburu. Baginda ia-lah juga sa-orang ahli silat yang chekap dan pemain chator yang bijak.

Dalam tahun 1951 ia-itu tidak lama sa-lepas baginda di-mahkotakan baginda pun menunaikan fardu haji.

Baginda telah melawat ka-United Kingdom dan Eropah empat kali semenjak tahun 1952. Lawatan baginda yang akhir sa-kali ia-lah dalam bulan March/April tahun ini kerana merundingkan perlembagaan dan suatu perjanjian baharu dengan Great Britain.

Perlembagaan itu di-jangka akan di-umumkan dalam bulan ini.

ISTIADAT HARI KEPUTERAAN

BANDAR BRUNEI. — Istiadat menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-43 akan di-adakan di-Balai Indra Buana di-Istana Darul Hana pada 23 September ini.

Dalam istiadat itu bintang2 kebesaran dan pingat2 akan di-kurniakan oleh baginda.

Dalam satu siaran kerajaan menegaskan bahawa saperti tahun2 sudah ucapan2 ta'at setia akan di-sampaikan oleh British Resident, Yang Berhormat Tuan D.C. White, Duli2 Wazir dan Kadhi Besar.

Ucapan2 tahniah dan ta'at setia daripada Kehia2 kaum dan persatuan2 akan juga di-sampaikan di-Balai Indra Buana.

Persembahan2 yang berupa kebendaan tidak akan di-terima oleh Duli Yang Maha Mulia.

Angkatan Laut Diraja Malaya mendapat sambutan ra'ayat

MUARA. — Tiga buah kapal angkatan Laut Diraja Malaya telah sampai di-Sapu Point di-sini pada pagi hari Ithnin lepas kerana satu lawatan muhibbah.

Kapal2 itu telah di-layarkan ka-Muara dari laut besar oleh pegawai2 Pejabat Marine.

Angkatan itu terdiri dari kapal2 "Temasek", "Langka Suka" dan "Sri Perlis" dan ada-lah di-bawah perintah Lieutenant Commander D.G. Wadsworth yang juga menjadi pemerintah kapal "Temasek".

"Langka Suka" di-perintah oleh Lieutenant W.C. Hughes dan "Sri Perlis" oleh Lieutenant M.A. Baard, kedua2-nya di-pinjam dari Angkatan Laut Diraja British.

Kapal2 itu akan bertolak balek ka-Singapura pada 18 September.

Sa-lama berada di-perayeran Brunei kelas2 Diraja itu akan di-ra'ikan oleh penduduk2 negeri ini.

Antara achara2 sambutan itu ia-lah permainan bola sepak, hockey badminton dan tembak.

Pada malam 17 September temasha "Malam Angkatan Laut Diraja Malaya" akan di-adakan di-Brunei Sports Club.

Larangan membeli barli dari Singapura

BANDAR BRUNEI.—Langkah berjaga2 telah di-ambil oleh Pejabat Kesihatan Brunei untuk menjauhi bahaya rachun dalam barli yang telah membunuh beberapa orang kanak2 di-Singapura dalam minggu lepas.

Pejabat itu menasihatkan penduduk2 negeri ini supaya jangan membeli atau menggunakan barli yang di-bawa masuk dari Singapura sa-hingga kedudukan perkara itu dapat di-jelaskan.

PAKAR UNDANG2 DARI LONDON MENYEMAK PERLEMBAGAAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang penasihat undang2 kapada Duli Yang Maha Mulia, Tuan J. Mitchell dari London telah berlepas balek ka-England pada 9 September ini sa-telah membantu merangka perlembagaan baharu Brunei hampir empat bulan.

Beliau telah membantu Inche Suffian bin Haji Hashim, Pema-ngku Peguan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang telah di-pinjamkan oleh kerajaan Persekutuan untuk berkhidmat dengan Duli Yang Maha Mulia.

Inche Suffian yang telah selesai tugas-nya itu telah balek ka-Malaya baharu2 ini.

Sungguh pun demikian per-

lembagaan itu maseh perlu di-semak lagi.

Kerana tugas ini Tuan N. Lawson, sa-orang pakar undang2 British telah tiba di-sini dalam minggu lepas dari London sa-bagai penasihat kanan perlembagaan kapada Duli Yang Maha Mulia.

Beliau akan berada di-sini sa-lama tiga minggu kerana menyemak rang perlembagaan yang digubal bersama oleh Inche Suffian dan Tuan Mitchell, penolong kapada Tuan Lawson.

Tuan Lawson berkata bakawa rang perlembagaan itu ada-lah di-sambut baik di-Londor oleh Pejabat Tanah Jajahan

Kurniaan biasiswa kepada 19 orang penuntut

BANDAR BRUNEI. — Sembilan belas orang penuntut2 dan pegawai2 muda Kerajaan Brunei telah di-hadiahkan biasiswa kerana perbagai2 kursus pelajaran di-United Kingdom dan Australia.

Pegawai2 muda kerajaan yang telah mendapat biasiswa kerana melanjutkan pelajaran mereka di-United Kingdom ia-lah:

Sherlock Chin Syn Lock (perubatan), Awang Hussin bin Orang Kaya Digadong (pertadbiran awam), Hassan bin Hj. Yusof (Perubatan), Awangku Sani bin Pengiran Ahmad (kejuruteraan), Jaafar bin Nordin (radio), Zaharah binti Idris (ilmu rumah tangga), Ibrahim bin Mohamed (architecture), Mohamed Hussin bin Daud (perubatan) dan Abdul Aziz bin Latif (radio).

Empat orang penuntut, Kassim bin Daud, Abu Bakar bin Abdul Rahman, Ghaffar bin Amat, dan

dan Awangku Omar bin Pengiran Limbang akan mengambil kursus khas dalam bahasa Inggeris sa-belum memasuki kolej.

Dua orang murid S.O.A.S. College, Bandar Brunei, Mohamed Ariffin bin Ajmain dan Othman bin Adol dan dua orang murid Anthony Abell College, Seria, Md. Sani bin Hussin dan Malai Ali bin Malai Othman akan menyertai 12 orang murid2 lain di sekolah permulaan, Millfield Preparatory School, England.

Kerajaan telah juga mengurniakan biasiswa kepada Latif

bin Mohamed dari Pejabat Pelajaran untuk mempelajari ilmu kewartawanan di-Australia.

Sa-orang lagi pegawai muda kerajaan, Zulkiffi bin Haji Abdullah dari Pejabat Penerangan, Bandar Brunei akan berlepas ka-Australia pada hujung bulan ini kerana mempelajari ilmu kewartawanan juga atas biasiswa Kerajaan Australia dibawah rancangan Colombo Plan.

SHARAT2 PERADUAN LUKISAN

BANDAR BRUNEI.—Jawatannya kuasa peraduan lukisan menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia menvatakan bahawa jenis2 lukisan bagi peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

Pemandangan: terbuka kepada orang dewasa dan murid2 sekolah. Lukisan hendak-lah dengan pensil, water colour atau chat. Ukuran, 15" x 18".

Tokoh2 yang bersangkutan dengan kemajuan dan kemashhoran Negeri Brunei: terbuka. Gambar2 hendak-lah di-lukis dengan pensil atau chat. Ukuran 12" x 16".

Poster (pelekat) mengenai kemajuan dan kema'moran Negeri Brunei: terbuka. Ukuran 20" x 24".

Lukisan yang tidak mengikut ukuran tidak akan mendapat layanan.

Nama dan alamat hendak-lah di-nyatakan di-belakang lukisan. Lukisan yang telah di-pamerkan pada tahun sudah tidak di-terima.

Pertunjukan itu akan di-adakan di-Pejabat Pos dari 22 hingga 26 September. Lukisan yang di-terima sa-hingga 15 September sahaja akan di-pamerkan.

3 sekolah baharu di-Brunei

BANDAR BRUNEI. —

Tiga buah sekolah Melayu telah di-buka dengan rasminya di-daerah Brunei dalam minggu lepas. Sekolah2 itu telah di-dirikan oleh ra'ayat dengan sedikit bantuan wang daripada kerajaan.

Pembukaan sekolah Melayu Panchor Murai telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera telah membuka dengan rasminya sekolah Melayu Limau Manis.

Pada hari Ithnin lepas, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Kadhi Besar, Brunei telah berangkat ka-Kampong Katimahar, Jalan Tutong kerana merasmikan pembukaan sekolah Melayu Katimahar.

Inche Mohamed Yusof, Penyelia sekolah2 Melayu Daerah Brunei dalam ucapan2-nya telah menegaskan bahawa Kerajaan akan memberi bantuan penoh kepada sekolah2 itu sa-kiranya perjalanan-nya di-dapati baik.

Keputusan loteri

BANDAR BRUNEI. — Nomor2 yang di-bawah ini telah mendapat hadiah dalam chabutan loteri yang di-adakan di-dewan Civic Centre Bandar Brunei pada malam Ahad lepas:—

0664 (refrigerator), 2901 (radio), 0261 (Singer sewing machine), 1752 (basikal), 2963 (kipas meja), 2625 (jam tangan).

PENDUDOK2 NEGERI BRUNEI DI-NASIHATKAN BERTANI "Jangan harapkan kepada minyak"

BANDAR BRUNEI.—Penduduk2 Negeri Brunei ada-kah di-nasihatkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad supaya jangan berharap sangat kepada perusahaan minyak untuk kebahagiaan negara pada masa yang akan datang.

Beliau mengingatkan supaya penduduk2 negeri ini membanyakkan lagi pengeluaran tanaman2 untuk memberi bekalan kepada ra'ayat.

Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad dalam ucapan-nya sebagai Yang di-Pertua Pertunjukan Tanam2an sa-Negeri Brunei yang di-langsungkan di-sini bahawa ini berkata antara lain2:

"Tuan2 telah faham bahawa kemajuan sa-suatu negeri itu adalah bergantung pada pengeluaran

barang2 tanaman, kerana barang itu ada-lah mustahak di-sisi manusia.


"Sungguh pun negeri kita ini kaya dengan hasil minyak tetapi kita tidak boleh berdiam diri kerana kita memerlukan barang2 makanan.

"Kita ta' boleh menggunakan minyak sa-mata2 tetapi hendak-

lah kita berikhtiar lagi untuk memajukan pengeluaran barang2 makanan supaya kita tidak berharap pada barang2 yang datang dari luar negeri yang dijual dengan harga yang mahal itu."

Orang Kaya Shahbandar seterusnya mengingatkan penduduk2 akan penderitaan di-masa pemerintahan Jepun di-sebabkan oleh kekurangan pengeluaran makanan di-Brunei.

Beliau berharap penduduk2 negeri ini akan berurusan dengan Pejabat Tanaman untuk mendapatkan nasihat dan panduan bagi membanyakkan barang2 makanan.



Awang Hussin

Pengelola Penchen, Awang Hussin bin Orang Kaya Digadong.

Kunjongan jurulateh bola sepak Borneo Utara

BANDAR BRUNEI. — Tuan John Then, sa-orang pelateh permainan bola sepak yang terkenal di-Borneo Utara akan melawat ka-Negeri Brunei sedikit hari lagi.

Beliau di-jangka akan tiba di-sini pada 17 September. Dalam masa beliau berada di-Brunei, Tuan John Then akan memberi perkhidmatan-nya untuk melatih perminat2 permainan bola sepak di-negeri ini.

ORANG2 ISLAM KUNJONGI PANTAI MERAYAKAN HARI MANDI SAFAR

BANDAR BRUNEI. — Istiadat mandi Safar yang di-adakan tiap2 tahun itu, konon-nya berdasarkan pada satu peristiwa dalam tawarikh hidup Junjongan kita dan telah di-jadikan satu temasha yang meriah oleh orang2 Islam.

Saperti biasa temasha mandi Safar tahun ini telah mendapat sambutan meriah di-Brunei. Pantai2 Brunei telah di-kunjongi oleh ramai penduduk2 yang terdiri dari kaum laki2, perempuan dan kanak2.

Pantai yang mendapat kunjungan besar tahun ini ia-lah Jerudong, Muara, Berakas, Penanjong dan Seria.

Dari awal pagi lagi sudah kelihatan ramai pemuda pemudi berduyon2 datang ka-pantai2 tersebut. Satengah2-nya datang dengan kereta, motosikal, basikal dan ada pula yang berjalan kaki.

Chuacha pada pagi Safar itu ada-lah terang sa-kali ombak yang menghempas ka-pantai dengan lemah lembut itu menandakan suasana yang mengembirakan.

Kanak2 telah kelihatan bermain2, ada yang bermain bola, ada yang berlari2 dan ada yang membuat rakit dengan penoh kegembiraan-nya menyambut hari yang bahagia itu.

Antara khayalak yang ramai itu ada pula yang mengambil peluang menyedut udara pantai, dan ada pula yang memasak makanan di-situ.

Pemandangan di-pantai telah mula beraneka warna. Pakaian wanita dan kanak2 yang berwarna warni itu menambah keindahan pemandangan.

Pedagang2 juga datang bertemasha sambil menchari keuntungan mengambil peluang dari para pencinta pantai. Orang bertememasha mandi Safar, mereka berniaga tidak membuang masa.

Ada juga orang yang rajin membuat rumah2 kecil untuk menjadi tempat perlindungan dan ada yang membangunkan khemah2 untuk berehat menantikan waktu makan.

Pantai2 di-Brunei terutama di-Jerudong telah sesak di-kunjongi oleh peserta2, ada yang datang dan ada yang balek hingga kapetang hari mandi Safar itu.

Suasana pantai sentiasa menyegarkan.

Pantai Jerudong yang telah mendapat sambutan lebih meriah tahun ini telah di-kerumuni oleh pemuda pemudi. Mereka ini bukan sahaja datang dari tempat2 yang dekat bahkan hingga dari Muara dan Belait pun ada

juga datang berkunjung ka-sana.

Mereka berchampur gaul berkenalan beramah sambil menghubungkan tali salatul rahim antara satu dengan lain dalam temasha mandi Safar.

Masing2 dengan lagak-nya ada yang mengambil peluang menchari pandangan chantek untuk di-gambar menjadi peringatan dan kanak2 yang berjiwa pengembara kelihatan menchuba mendaki bukit2 yang berbatu bata dan menulis pula nama2 mereka di-sana menjadi kenang2-an.

Ramai-lah pantai pada hari sambutan itu dengan berbagai2 ragam. Ada yang menunjokkan kecekapan bernang dan bergaya2 bernang jauh ka-laut.

Sa-sudah leteh mereka di-ayer beralah pula ka-pantai berbaring2 menjemor badan di-atas pasir.

Kanak2 mengambil peluang melukis2 di-atas pasir dan membuat goa.

Temasha mandi Safar tahun ini telah mendapat sambutan ramai dan meriah bukan sahaja disebabkan jalan2 raya ka-pantai2 itu sudah di-adakan tetapi ia-lah

di-sebabkan keindahan pantai2 Brunei yang sa-suai untuk bermandi manda sambil bertemasha.

Batu2 dan bukit2 serta batu2 karang ada-lah menambah kechantekan pemandangan pantai yang mungkin menarek pelancong beramai2 mengunjongi pantai2 Brunei kelak.



Dua orang pemuda memerhatikan keindahan pantai.



Sa-telah penat bermandi manda satengah2-nya berehat di-bawah pokok2 yang rendang di-pantai Jerudong. Satengah2-nya pula baharu sahaja sampai dari tempat2 yang jauh dalam negeri.



KIRI: Sa-telah bermandi manda peserta2 dalam temasha mandi Safar mengadap hidangan makanan yang di-bawa dari rumah. KANAN: Sa-bahagian dari para peserta bersiar2 di-tepi pantai.



Pemandangan di-pantai Jerudong dalam temasha mandi Safar. Pantai ini, mendapat kunjungan yang meriah daripada penduduk2 dalam negeri tahun ini.

Rengkasannya riwayat hidup Nabi Muhammad

Dalam bulan Rabi'ulawal yang mulia ini dunia Islam seluruhnya bersukor dan bergembira merayakan hari keputeraan Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Muhammad telah di-lahirkan di-Semenanjung Arab pada 12 Rabi'ulawal dalam tahun Masehi 571 tatkala semenanjung itu dikelubungi oleh kegelapan dan tiada sinar untuk menyuluh ka-arah jalan yang benar.

Pada masa ini nafsu berleluas membuat sa-kehendak hati. Siapa kuat dia-lah raja dan siapa kaya dia-lah tuan. Yang lemah menjadi korban, yang miskin menjadi habuan.

Darah tumpah tidak berbela. Mayat rebah tiada berkalah dan tiada bertebus.

Zaman itu di-katakan zaman jahilliah dan zaman yang paling biadab sa-kali terhadap kaum wanita. Mereka hanya di-jadikan pemuas nafsu yang bermaharajalela.

Kekejaman kepada kaum wanita itu melarat kepada kanak2 perempuan. Mereka itu di-tanam dengan hidup2 sa-baik sahaja di-lahirkan.

Rompak samun menjadi keme-gahan dan perang dan bunuh ada-lah perkara yang di-bangga2kan. Ini semua berlaku sa-belum Muhammad di-lahirkan.

Tetapi Tuhan yang maha pengasih dan lagi bijaksana itu tidak membiarkan sifat2 yang kejam itu berpanjangan. Bertepatan malam 12 Rabi'ulawal, tahun Masehi 571 maka lahirkan Muhammad untuk membawa perubahan pada alam dan membawa obor penerangan buana yang gelap gulita pada zaman itu.

Kelahiran Muhammad bin Abdullah yang bakal mengubah i'tikad dan iman itu memberi harapan kepada dunia dan menambah kesejahteraan manusia.

Perayaan di-Tutong

TUTONG. — Penduduk2 Daerah Tutong telah keluar beramai2 di-padang bandar ini kerana merayakan hari keputeraan Junjongan kita pada petang hari Ithnin lepas.

Kursus kesihatan

BANDAR BRUNEI. — Tuan Chua Kong Seng dari Pejabat Kesihatan Brunei telah berlepas ka-United Kingdom baharu2 ini kerana mengambil kursus kesihatan sa-lama enam bulan.

Beliau akan menhadhiri kursus itu di-London School of Tropical Medicine.

Muhammad terpuji di-antara kaum-nya sa-bagai mempunyai sifat2 yang mulia sa-masa beliau maseh kanak2 lagi. Sifat2 dan pujian itu berkekalan sa-hingga beliau dewasa dan akhir-nya menjadi nabi dan rasul.

Muhammad telah di-lahirkan untuk Allah Subhanahu wa Ta'ala memberi tugas yang berat dan penoh dengan kesulitan.

Tugas itu ia-lah menjadi pesuruh Allah supaya membimbing dan mengajar kepada manusia segala hukum dan ajaran Allah.

Beban yang berat itu di-terima oleh Muhammad tatkala umur-nya 40 tahun.

Nabi Muhammad s.a.w. adalah sa-mulia2 manusia yang di-jadikan Allah untuk membawa manusia ka-jalan kemuliaan dan kema'moran serta keadilan mes-sharakat yang pada masa itu dalam kezaliman.

Rasullallah bukan sahaja di-utus sa-bagai nabi dan rasul bahkan Muhammad bin Abdullah ada-lah mempunyai kebolehan yang istimewa yang tidak dapat di-bandingkan pada zaman itu dan pada zaman yang akan datang.

Seruan dan akuan-nya tentang diri-nya di-utus itu ia-lah kerana membasmi keruntuhan ikhliah.

Baginda sendiri telah bersabda: "Sa-sunggoh-nya aku di-utus untuk menchukupkan ketinggian budi."

Muhammad s.a.w. ada-lah sa-orang ahli tentang pertadbiran negara. Negara Arab pada masa itu kuchar kachir dan kedudukan ekonomi-nya tidak terjamin.

Tetapi di-bawah perintah Kerajaan Islam yang di-pimpin oleh Muhammad s.a.w. dan sahabat2-nya perselisihan antara negeri2 Arab seperti Mekah dan Medina telah hapus dan Semanjung Arab menjadi sa-buah negara yang tegoh ekonomi-nya.

Nabi Muhammad ia-lah juga sa-orang saudagar yang bijaksana dan maher dalam urusan perniagaan. Perhubungan-nya dengan saudagar2 negeri lain membawa kepada persahabatan yang erat dan menambah kema'moran negeri.

Semenjak Islam berkembang, faham demokrasi telah menjadi dasar pemerentahan. Nabi sentiasa berunding dengan sahabat2-nya untuk keamanan negeri dan menolak daripada serangan musuh.

Apabila salah sa-orang daripada sahabat2 baginda memberi chadangan, chadangan itu segera di-laksanakan.

Dengan sifat-nya yang bersedia menerima chadangan daripada

sahabat2-nya itu, Rasullallah telah menjadikan Islam suatu kerajaan yang berdasarkan demokrasi yang tidak memandang kepada rupa dan darjah.

Kerajaan Islam mementingkan pengetahuan dan kebolehan sa-saorang.

Tatkala memimpin umat-nya dalam peperangan Muhammad s.a.w. ada-lah sa-orang panglima yang gagah perkasa lagi bijak-sana.

Baginda telah mengator langkakh2 perjuangan perang mengikut perintah Allah dengan menggunakan kebijaksanaan baginda sendiri.

Oleh sebab peratoran2 itu baik beliau telah berjaya memengangi semua peperangan dan dengan siasah pula telah berjaya juga mena'lok negeri2 lain dan mengimankan penduduk2-nya sa-kali.

Semenjak agama Islamembang di-bawah pimpinan baginda hak2 bagi kaum wanita telah terjamin. Ketakutan tiada lagi di-hati mereka.

Mereka telah bersama mengambil bahagian dalam perjuangan dan bersama mengembangkan agama kepada kaum sa-jenis-nya.

Isteri baginda, Saidina Khadijah dan Saidina Aishah ada-lah terkemuka memegang peranan penting sa-bagai pembantu Rasullah dalam usaha baginda memberi kebebasan kepada kaum wanita.

Sa-lama 23 tahun Nabi Muhammad s.a.w. menyeru kepada umat Allah dengan seruan2 Islam, umat Islam telah bertambah ramai dan sa-bahagian besar dari negeri2 dalam dunia memeluk agama Islam.

Muhammad telah wafat tetapi ajaran dan semangat Islam tidak mati, bahkan Islam tetap bersinar membawa obor kebahagiaan manusia di-dunia dan akhirat.

Ini ia-lah kerana Nabi telah meninggalkan kepada umat-nya dua pusaka yang tidak lekang dek panas dan ta' lapok dek hujan.

Pusaka2 itu ia-lah Al-Koran al-Karim dan hadith2 sa.w. yang telah di-jamin oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam firman-nya yang bermaksud:

"Hari ini telah Ku lengkapkan agama kamu dan Ku chukupkan nikmat mu serta Ku redhai-lah Islam itu bagi agama kamu sa-bagai panduan."

— Mahalle H. Abdulilah.

41 PASOKAN DALAM PERAYAAN MAULUD

BANDAR BRUNEI. — Kira2 2,500 orang termasuk murid2 sekolah yang terdiri dari 41 pasokan telah mengambil bahagian dalam perarakan mauludun nabi di-sini pada petang Ithnin lepas.

Perarakan itu di-mulai dari kawasan Masjid Omar Ali Saifuddin melalui kawasan bandar dengan di-dahului oleh pegawai2 agama.

Sa-lepas perarakan ucapan telah di-beri oleh setia usaha agong perarakan mauludun nabi, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Ali.

Ucapan itu telah di-turut oleh Yang Berhormat Pengiran Yusuf yang telah membaca riwayat hidup nabi.

Duli Yang Maha Mulia yang turut mengambil bahagian dalam perarakan itu telah memberi nasihat2 yang berguna dalam ucapan baginda.

Hadiah2 kepada peserta2 dalam perarakan itu telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara seperti berikut :

Pasokan yang baik sa-kali antara kampong: Kampong Pekan Lama (1), Kampong Kianggeh (2) dan pasokan dari kawasan Maktab Latehan Guru2 (2).

Pejabat Polis, Kampong Pengi-Pemancha Lama, Kampong Sungai Kedayan, Kampong Sumbiling, Pasokan Guru2 Sekolah Melayu, Kampong Batu Marang dan Kampong Pantai Besi "A" telah di-beri hadiah sagu hati.

Pakaian pasokan yang chantek sa-kali telah di-menangi oleh Kampong Kianggeh.

Chogan kata yang baik sa-kali telah di-menangi oleh Kampong Pengiran Pemancha Lama.

Sekolah2 yang terbaik sa-kali ia-lah : Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sekolah Melayu Lela Menchanai dan Sekolah Melayu Batu Marang.

Perarakan itu telah di-tutup dengan doa Selamat yang di-baca oleh Pehin Siraja Khatib.

Belait / Seria rayakan maulud dengan perarakan di-bandar

KUALA BELAIT. — Perarakan maulud nabi bagi daerah Belait/Seria telah di-adakan di-Seria pada hari Ithnin lepas.

Para peserta telah mula berkumpul di-Masjid Seria pada pukul 1.30 petang kerana bera-

rak melalui kawasan bandar. Chogan2 kata mengenai kesetiaan agama Islam telah di-bawa dalam perarakan itu.

Perarakan itu telah di-tamatkan dengan sharahan2 yang di-beri oleh pemimpin2 Islam di-

KERAJAAN PERLUKAN KERJA SAMA RA'AYAT

BANDAR (Temburong). — Duli Yang Maha Mulia telah berchemar duli ka-sini dalam minggu lepas kerana menghadhiri majlis jamuan teh kepada rombongan perlembagaan Brunei.

Majlis itu di-anjorkan oleh penduduk2 Daerah Temburong sebagai mengucapkan shukor atas kejayaan rombongan yang diketuai oleh Duli Yang Maha Mulia itu.

Penduduk2 Temburong telah juga mengalu2kan kurnian bin-bang2 kebesaran kepada baginda daripada Seri Paduka Baginda di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu dari Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

Dalam ucapan baginda memberi terima kasih atas keshukoran ra'ayat itu baginda telah menegaskan bahawa kejayaan yang di-dapati oleh rombongan itu ia-lah kejayaan ra'ayat saka-lian.

Antara lain2 baginda bertitah: "Dengan barhasil-nya maksud ra'ayat Negeri Brunei akan diperintah oleh ra'ayat-nya sendiri. Ini bererti tanggung jawab dan

kewajipan ra'ayat akan bertambah berat dan sukar.

"Ra'ayat di-Daerah Temburong ini, kebanyakan-nya hidup di-lapangan pertanian, yang mana kaum tani ada-lah menjadi tulang belakang kemajuan sa-suatu negera.

"Untuk menunaikan kewajipan ra'ayat supaya lebeh2 mengenal kewajipan masing, ra'ayat sakalian mesti-lah melengkapi diri dengan pelajaran dan pendidikan kerana lambat dan lekas-nya kemajuan sa-suatu bangsa itu ada-lah bergantung pada kemajuan dan kemundoran pelajaran."

Gerakan membunuh anjing dengan sumpitan

BANDAR BRUNEI. — Gerakan membunuh anjing yang tidak berlesen telah di-jalankan oleh Pejabat Bandaran di-sini anjuru2 ini. Anjing2 itu di-bunuh dengan di-sumpit.

Dalam satu siaran meminta orang2 yang mempunyai anjing supaya mengambill lesen, Pejabat Bandaran berkata:

"Anjing yang tidak mempunyai tuan dan tidak berlesen akan dimusnahkan. Demikian juga anjing2 yang di-dapati berkeliaran

di-merata2 jalan raya atau ditempat orang ramai di-dalam kawasan bandaran.

"Orang2 yang mempunyai anjing ada-lah di-ingatkan supaya lesen2 anjing pada leher anjing menggantungkan dengan nyata mereka."

Anjing yang berlesen itu hendak-lah di-jaga, jangan dibiarkan berkeliaran di-merata2 jalan raya.

HARI KEMERDEKAAN MALAYA DI-SAMBUT DENGAN "MALAM MALAYA"

SERIA. — Hari ulang tahun kedua kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah di-sambut oleh ra'ayat Persekutuan di-Brunei dengan mengadakan majlis "Malam Malaysia" di-bangunan Shell Recreation Club di-sini pada 5 September ini.

Majlis itu telah di-hadiri oleh pembesar2 Negeri Brunei termasuk Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha yang telah menyampaikan titah tahniah daripada Duli Yang Maha Mulia.

Sa-baik sahaja majlis di-buka, Tuan C. Dorall ketua badan penaja majlis pun menyeru warga negara Persekutuan dan para tetamu supaya bersama minum atas kesejahteraan Duli Yang Maha Mulia.

Minum kerana kesejahteraan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong telah di-serukan oleh Duli Pengiran Pemancha dan sa-lepas itu Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar Penolong Resident Belait pula bangun meminta para-hadhirin minum atas kesejahteraan Baginda Queen.

Dalam titah tahniah baginda yang di-bachakan oleh Duli Pengiran Pemancha, Duli Yang Maha Mulia berkata:

"Saya dukachita ta' dapat hadir di-majlis yang permai ini oleh kerana sedikit keuzoran, tetapi bagaimana pun saya turut

Baginda sa-terus-nya memberi jaminan bahawa Kerajaan Brunei ada-lah sentiasa menjalankan pertadbiran bagi merancang berbagai2 kema'moran dan ke-bahagian ra'ayat.

"Untuk menjayakan segala rancangan2 itu ada-lah menjadi tanggung jawab ra'ayat sakalian memberi kerjasama dan bantuan yang di-perlukan oleh kerajaan," kata baginda lagi.

Majlis itu telah di-hadiri oleh pembesar2 negara termasuk-lah British Resident, Yang Berhormat Tuan D. C. White dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Lelongan barang2 di - gudang kastam

KUALA BELAIT. — Barang2 yang di-bawah ini telah di-tinggalkan di-gudang kastam di-sini sa-lama lebeh dari tempoh yang di-benarkan oleh Undang2 Kastam.

Barang2 itu akan di-lelong pada satu masa dan tempat yang akan di-umumkan sa-lepas 14 hari dari 7 September ini:—

1 Carton Tonic Sarsaparilla (21 botol), 1 Carton Stout Mackson (14 botol), 1 Carton Orange Squash Froottall 77 asli (7 botol), 1 Carton Minyak rambut Silvikrin (24 botol), 1 Carton Sabon serbok OMO, 1 Carton Susu Plumrose (68 tin), 1 Carton Ham 2 lb. (6 tin), 1 Carton Ham 1 lb. (27 tin), 1 Carton Cable (4 reels).

1 Bungkus Feridax Wind Screen, 2 Kepok batu Jubin, 1 Kepok Stephen Carbon Paper and Staplers, 1 Peti

LANTEKAN PEGAWAI ISTIADAT

BANDAR BRUNEI. —

Duli Yang Maha Mulia telah melantek empat orang sa-bagai pengetua adat istiadat Diraja dalam masa sambutan hari ulang tahun keputeraan baginda yang ke-empat puluh tiga pada 23 September ini.

Dalam satu siaran Ketua Adat Istiadat Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha berkata pengetua2 istiadat Diraja itu ia-lah:

Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul-Rahim (Pengetua), Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji M. Daud, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kamaluddin dan Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib.

berisi 5 kepingan besi, 10 Carton Can Lids, 1 Peti Can Lids.

2 Carton "Enterprise" Oil Books (13 buku), 2 Peti susu pekat chap "Junjong" (93 tin), 2 Carton Battery Exide untuk penggunaan motor cycle (2 keping).

1 Peti 132" x 3" x 3", 1 Peti Haribulan (Calendar), 1 Carton susu "Libby's" tin 1 lb, tin panjang (4 dozen), 6 Tin E.P.I. Compensating Model Material, 1 Peti Bol dan Nat.

1 Peti Pressure Lanterns and Fittings, 2 Bungkus Spring Kenderaan, 2 Keping Valve Pumping Parts, 1 Bungkus 3 batang, 1 Peti tembaga Butt, 4" x 3", 5 Peti Sayor Berjerok.

4 PENUNTUT BRUNEI BERLEPAS KA-ENGLAND

BANDAR BRUNEI. — Empat orang penuntut2 Melayu dari S.O.A.S. College, Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura pada 9 September dalam perjalanan mereka ka-United Kingdom untuk meneruskan pelajaran mereka.

Penuntut2 itu ia-lah: Kassim Daud, Abu Bakar Rahman, Ghaffar Lamat dan Awangku Omar Limbang.

Mereka itu akan memasuki Wilson College, di-England kerana mengambil kursus bahasa Inggeris sa-lama sa-tahun sebelum meneruskan pengajian tinggi mereka.

Dalam pada itu sa-ramai tujoh orang penuntut2 dari Chung Wah Middle School Brunei telah berlepas ka-Labuan pada pagi itu dalam perjalanan mereka ka-Formosa kerana mengambil kursus perguruan.

kiran tuan2 dengan ikhlas bagi kebahagian dan kesempurnaan bangsa dan negara saudara tuan2.

Saya perchaya tuan2 akan sentiasa meneruskan jasa baik tuan2 itu sa-moga dengan bantuan dan kerjasama tuan2 itu Negara Brunei akan lebeh2 lagi beroleh kemajuan dalam menuju jalan yang sedang di-harungi-nya bagi menchapai maksud perjalanan yang di-kehendaki oleh ra'ayat Negeri Brunei ini.

Peraduan senaman

TUTONG. — Dua belas buah sekolah telah mengambil bahagian dalam peraduan senaman dan permainan tahun bagi sekolah2 di-daerah ini pada hari Sabtu lepas.

Sekolah2 itu ia-lah; Lamunin, Birau, Bukit Udal, Tanjong Maya, Muda Hashim, Layong, Penanjong, Ukong, Kiudang, Ram-bai, Sinaut dan Kupang.

Sekolah2 Muda Hashim dan Tanjong Maya satu2-nya telah menghantar dua pasukan.

Pertunjukan tanaman ke-13 lebeh besar dari sudah2

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Anak Puteri Besar, isteri kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah membuka dengan rasmi-nya pertunjukan tanaman2 sa-Negeri Brunei kali yang ketiga belas pada pagi 5 September di-skolah Melayu Muhammad Jamalul Alam di-sini.

Bangunan sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah yang berhampiran di-situ telah juga di-gunakan kerana mempertunjokkan barang2 pertunjukan.

Barang2 pertukangan dan pertanian ada-lah lebeh banyak dipamerkan dalam pertunjukan itu kerana lebeh ramai petani dan lebeh banyak sharikat2 perdagangan mengambil bahagian kali ini.

Sa-lain dari barang2 yang dipamerkan oleh sharikat2 dan orang2 kampung, pejabat2 kerajaan telah juga mengambil bahagian. Antara-nya ia-lah Pejabat2 Penerangan, Kesihatan, Marine, Sukat, Kandungan Bumi dan Pejabat Haiwan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengiran Isteri di-dewan sekolah RIF.

Hadiah2 kurniaan Duli Yang Maha Mulia kerana pertukangan perak telah di-menangi oleh :

Mohamed Kamal bin Awang Ahmad (1) Awang Mansor bin Awang Jalaludin (2) dan Abdul Aziz bin Haji Ibrahim (3).

Pertukangan Tembaga. Mohamed Yusuf bin Bakar (1), Ibrahim bin Mohamed Tahir (2), dan Mohamed Yusuf bin Bakir (3).

Anyaman2 dari rotan, pandan buloh dan bemban, Lipah binti Tuah (1), Maimunah binti karim (2) dan Mudim Haji Bakar (3).

Sulam menyulam Puan Gracie

Jualan bendera kebangsaan bulan ini

BANDAR BRUNEI. — Bendera2 kebangsaan Negeri Brunei yang akan di-gunakan sa-baik sahaja perlembagaan baharu itu di-umumkan atau pada satu tarikh yang di-tetapkan sa-lepas itu boleh di-beli dari Jabatan Perbekalan mulai 25 September ini.

Bendera kabangsaan itu akan di-gunakan oleh ra-ayat sa-bagai ganti bendera ra'ayat yang ada sekarang.

Wazir2, cheteria2, menteri2 hingga ka-damong dan keturunan mereka yang di-tetapkan akan menggunakan bendera masing2 seperti yang telah di-umumkan.

Bendera kebangsaan itu samalah rupa-nya seperti bendera Brunei sekarang kechuali di-tengah2-nya di-tambah dengan panji2 bertungkat ajai warna merah.

Harga bendera itu belum di-tetapkan.

Piala Perak George Ah Foott untuk bunga2an di-menangi oleh Tuan Lee Ping Yarm.

Perisai Sharikat Minyak Shell untuk binatang ternakan di-menangi oleh Inche Anang bin Haji Karim.

Piala Perak San Builders untuk pertukangan kayu di-menangi oleh Pengetua, Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Piala Sino Malayan Engineers untuk chontoh rumah dan kawasan di-menangi oleh Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei.

Piala yang di-hadiahkan oleh Pegawai2 Pejabat Pertanian Negeri Brunei untuk sayor2an di-menangi oleh Tuan Poh Ah Hing.

Piala Ong Kim Sai untuk bunga orkid di-menangi oleh Tuan Paul Carson dari Pejabat British Resident, Brunei.

Lee (1), Dayang binte Dullah (2) dan Masino binte Mohamed (3).

Tenunan dari benang emas dan perak di-menangi oleh Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Awang Umar.

Piala perak hadiah daripada Puan Trumble untuk pertukangan perak yang baik sa-kali di-menangi oleh Awang Mohamed Kamal bin Awang Ahmad.

Piala Perak Chop Hong Guan untuk getah para di-menangi oleh Suhaimi bin Haji Ahmad.



Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Anak Puteri Besar kelihatan menyampaikan hadiah kepada Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib.

RADIO JEMPUT PENDENGAR2 MENYAMPAIKAN TEGORAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang penggemar Radio Brunei yang menyamar diri-nya dengan nama "Damak" telah menegor ranchangan Melayu radio itu dalam sa-puchok surat-nya kepada Pelita Brunei dengan berkata :

"Perkhidmatan radio mesti-lah dapat membela perasaan dan kemahuan pendengar, baik dalam lapangan hiburan, penerangan, pelajaran dan lain2-nya supaya perkara2 yang di-siarkan itu memberi kepuasan rasa kepada pendengar2.

"Jalan yang sa-baik2-nya supaya dapat mengatas perasaan tidak puas hati para pendengar itu ada-lah dengan mendekati atau meminta buah fikiran para pendengar demi kebaikan bersama.

"Damak" sa-terus-nya menisfatkan perdirian pehak yang berkuasa radio sa-bagai bersikap tabir besi yang tidak mahu menerima hasrat atau buah2 fikiran para pendengar dan yang demikian keadaan ranchangan radio Brunei akan terus mendukachitakan.

Sa-bagai menafikan tuduhan "Damak," Ketua Bahagian Ranchangan Radio Brunei, Inche Idris Ahmad Shah menjawab antara lain2 :

"Tegoran dan chadangan seperti ini memang senentiasa di-alu2kan dan di-sambut oleh Radio Brunei dengan amat sukachitanya.

"Radio Brunei bersedia menderang atau menerima apa jua tegoran dan chadangan yang bernas daripada siapa pun baik pendengar-nya yang berhajat hendak membaiki atau memajukan lagi ranchangan2 dan keadaan2 di-Radio Brunei".

Radio Brunei sa-terus menjemput para pendengar dari segala gulungan menyampaikan terus kepada-nya chadangan bagi memperbaiki ranchangan radio sama ada dengan surat atau sendiri datang ka-pejabat itu.

SEMANGAT PUNCHA KEMAJUAN NEGARA

BANDAR BRUNEI.—Sejarah membuktikan bahawa kemajuan sa-sabuah negara itu bukan-nya bergantung pada banyak cherdeka pandai atau banyak kebangsawanan umat itu tetapi kepada umat yang bersemangat dan kasihkan kepada bangsa dan tanah ayer yang tidak berbelah bahagi.

Semangat dan kesedaran inilalah yang menimbulkan keberanian untuk berkorban dan berjuang bermati2an kerana memper-tahankan hak2 ketuanan dan kedaulatan umat itu.

Negara2 yang umat-nya tertindas atau hapus kedaulatan-nya tidak tinggal diam dan mati chita2-nya begitu sahaja.

Mereka itu sentiasa berikhtiar dan menchuba dengan sa-boleh2-nya, walau pun gugor seperti bunga, mengembalikan kedaulatan bangsa.

Perjuangan itu berdasarkan: "patah tumbuh hilang berganti lama di-perbaharui dengan tidak mengenal susah payah, penat jereh, terancham dan terpenjara. Mereka itu terus berjuang dengan titik yang berbesi waja.

Kesedaran umat Melayu kini jika di-bandingkan dengan kesedaran sa-belum perang dunia kedua dahulu sangat-lah jauh bezanya. Bukan sahaja mereka sedar dan mengerti di-dalam lapangan pelajaran dan ekonomi tetapi juga lebeh2 lagi sedar dalam segi siasah dan pertadbiran negara.

Dengan galakan dari pemerentah, keperchayaan mereka pada tujuan2 dan chita perjuangan sa-jati itu ada-lah bertambah kokoh.

Kesedaran dan tuntutan umat Melayu ta' dapat di-rintang dengan apa sa-kali pun, namun terus maju dan bertambah pada tiap2 masa dan waktu.

Kesedaran ini ada-lah mengikut hak siasah yang halal dan suchi murni di-sisi undang2. Mereka itu telah sedar bahawa seperti lain2 bangsa di-dunia ini umat Melayu juga mempunyai hak2 ketuanan dan kedaulatan.

(Mala Mas)

Lantekan perubatan

Puan H.E.M. Fairhead telah di-lantek menjadi Nursing Sister, Pejabat Perubatan, Brunei, mulai 26 August, 1959.

PEJABAT2 Kerajaan di-Brunei telah di-tutup pada 14 September kerana merayakan hari keputeraan Muhammad s.a.w.

Ranchangan perayaan hari keputeraan DYMM

BANDAR BRUNEI. — Sambutan hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-43 yang jatuh pada 23 September ini telah mula di-rayakan dengan peraduan akhir kerana merebutkan gelaran "Mr. Brunei" di-dewan Civic Centre pada malam Ahad lepas.

Perayaan yang mengandungi berbagai2 permainan, peraduan dan hiburan itu akan di-langsungkan pada 27 September dengan lumba laut di-Sungai Brunei.

Jadual pertandingan akhir dan permainan2 yang telah diranchangkan oleh jawatan kuasa perayaan hari keputeraan baginda itu ialah :

Peraduan Lukisan, perlawanan akhir peraduan senaman dan permainan sekolah2 Melayu, 20 September.

Sukan, peraduan mengarang dan cherita pendek, silat dan kuntau, 23 September, dan malam aneka warna, 23, 24 dan 25 September. Pancharagam Askar Gurkha Rifle, 24 September.

Pada hari keputeraan satu perbarisan yang terdiri dari pasokan2 pengakap, pandu puteri, palang merah, pegawai2 kastam, marine, orang ramai dan polis akan di-adakan di-padang di-

Peraduan bahath peringkat akhir

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Abdul Raahman bin Khatib Abdullah, Abdul Samad bin Abdul Kahar dan Awangku Hashim bin Pengiran Chuchur akan melawan pasokan Yahya bin Haji Tengah, Mahale bin Haji Abdullah dan Abdul Hamid bin Ibrahim dalam pertandingan akhir bahath kerana menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei di-Padang Besar Pekan Brunei pada malam 24 September.

Tajok yang akan di-bahathkan oleh pasokan2 itu ialah "Untuk kebaikan manusia, perdamaian lebih penting daripada kema'moran".

Keputusan tersebut telah diperolehi dalam pertandingan bahath bahagian2 sa-tengah akhir di-Dewan Civic Centre pada petang 13 September.

Dalam Bahagian "A" Abdul Samad bin Abdul Kahar dan rakan2-nya telah mengalahkan Zulkifli dan rakan2-nya.

Dalam Bahagian "B" pula Yahya bin Haji Tengah dan rakan2nya telah mengalahkan Adam dan rakan2-nya.

Hadih2 kepada johan dan naib johan pertandingan tersebut akan di-sampaikan di-Padang Besar Pekan Brunei pada malam 25 September oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha.

LAKI2 DAN PEREMPUAN BERTANDING

BANDAR BRUNEI. — Lebih daripada 50 orang laki2 dan perempuan dari beberapa daerah di-Negeri Brunei akan masuk bertanding dalam peraduan membacha sajak kerana menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Sultan di Bandar Brunei pada bulan ini.

Oleh kerana itu, satu peraduan pemilehan akan di-langsungkan di-Dewan Civic Centre, Bandar Brunei pada 18 September mulai pada pukul 9 pagi. Hanya sa-pertiga sahaja daripada peserta2 yang berjaya dalam pusingan pemilehan itu akan di-pilih masuk bertanding dalam pertandingan akhir di-Padang Besar Pekan Brunei pada malam 24 September.

Para peserta yang belum lagi mendapat salinan sajak2 yang di-akui untuk pertandingan, di-min-ta membuat perhubungan sa-be-rapa segera dengan Setia Usaha Peraduan Membacha Sajak, Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Sultan di-Jabatan Penerangan, Bandar Brunei.

hadapan bangunan kerajaan.

Perbarisan itu akan memberi tabek kehormatan kepada Duli Yang Maha Mulia pada pukul 8.30 pagi.

Istiadat mengadap akan di-mulakan di-Balai Indra Buana, Istana Darul Hana pada pukul 10 pagi.

Pertandingan badminton

SERIA. — Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell, Seria akan memasoki pertandingan sa-tengah akhir pertandingan badminton Negeri Brunei sa-telah pasokan itu mengalahkan Anthony Abell, Seria baharu2 ini dengan 8 perlawanan berbalas satu, di-kawasan Shell Malay Club.

Pertandingan akhir perlawanan badminton itu akan di-adakan di-Seria pada 18 dan 19 September.

PERADUAN SENAMAN DAN SUKAN SEKOLAH2 MELAYU BELAIT

KUALA BELAIT. — Peraduan senaman sekolah2 Melayu Daerah Belait telah di-adakan pada hari Ahad lepas di-padang besar Kuala Belait mulai pukul 9 pagi.

Pada petang-nya peraduan sukan antara sekolah2 itu telah di-langsungkan di-padang itu juga.

Enam pasokan murid2 laki2 dan empat pasokan murid2 perempuan telah mengambil bahagian dalam peraduan senaman.

Pasokan murid2 laki2 ia-lah dari sekolah Melayu Muhammad Alam Seria (dua pasokan), seko-

lah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait sekolah Melayu Sungai Liang sekolah Melayu Labi dan Sekolah Melayu Danau.

Pasokan murid2 perempuan ia-lah dari sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Sekolah Melayu Mohamed Alam, sekolah Melayu Sungai Liang dan sekolah Melayu Labi.

Hadih2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Penolong Resident Belait, yang Berhormat Pengiran Abu Bakar.

Lumba perahu hari jadi

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan perahu dan motor sangkut kerana menyambut hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia akan di-langsungkan di-Sungai Brunei berhadapan Tambatan Custom pada 27 September, 1959.

Berbagai2 jenis perlumbaan akan di-adakan dan orang2 yang ingin memasoki perahu2 mereka berlumba dalam temasha tersebut di-minta berhubung tidak lewat dari 20 September, 1959 dengan Setia Usaha, Brunei Rowing Club, di-Jabatan Custom, Bandar Brunei.

PERADUAN KEPUTERAN Mr. BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — D. Simon, berumur 21, sa-orang kerani di-Jabatan Kerja Raya, Bandar Brunei telah di-pilih memegang gelaran sa-bagai "Mister Brunei Tahun 1959" dalam satu temasha yang meriah di-Dewan Civic Centre pada malam 12 September.

Gelaran naib johan pertandingan tersebut di-menangi oleh Lim Yen Chen dan gelaran yang ketiga di-menangi oleh Sarjan Pengiran Mohamed.

Gelaran "Junior Mister Brunei Tahun 1959" di-menangi oleh Mohamed Kassim bin Wahab, berumur 19 tahun sa-orang fitter di-Workshop Jabatan Kerja Raya, Brunei, manakala gelaran yang kedua dan ketiga di-menangi oleh Bujang Jumat dan Yunos bin Tudin.

Semua-nya 24 orang telah masuk bertanding dalam pertandingan tersebut; 12 orang dalam bahagian "Mister Brunei" dan 12 orang dalam bahagian "Junior Mister Brunei".

Peraduan bahagian yang pertama ia-lah untuk peserta2 yang tinggi-nya lebih dari 5 kaki 4 inci dan bahagian yang kedua ia-lah untuk mereka yang tinggi-nya kurang dari 5 kaki 4 inci.

Pertandingan pemilehan di-langsungkan di-Dewan Civic Centre pada malam 11 September dan pertandingan akhir 12 September.

Hadih2 di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkiah.

Perlawanan hockey

KUALA BELAIT. — Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell, Seria telah mengalahkan Polis 5 gol berbalas satu dalam pertandingan hockey di-bawah anjuran Belait District Sports Council di-Padang Shell Recreation Club baharu2 ini.

Pegawai pejabat di-jumpai ta' bermaya dalam hutan

Kuala Belait. — Sa-orang pegawai Pejabat Penerangan, Kuala Belait, Hassan bin Jaafar telah di-jumpai dalam hutan Labi di-daerah Belait dalam keadaan tidak berdaya dalam minggu lepas.

Hassan di-katakan telah masuk hutan itu bersama dua orang rakan-nya kerana berburu tetapi telah sesat dan terpisah daripada mereka.

Dalam kenyataan-nya Hassan berkata ia telah menchuba dengan sa-be-rapa daya-nya men-

chari jalan hendak keluar dan sa-telah hampir 10 jam merempoh resam dan semak yang tebal itu ia pun kepenatan lalu tertidor.

Sa-rombongan orang2 kampung di-ketuai oleh penghulu mereka, Orang Kaya Md. Daud telah memasoki hutan itu menchari Hassan.

Hassan telah di-jumpai oleh rombongan itu dalam keadaan yang tidak bermaya dengan baju dan seluar-nya robak rabit oleh duri.

9 MATI TERMAKAN RACHUN DALAM BUBOR

SINGAPURA.—Sembilan orang kebanyakan-nya kanak2 telah mati di-Singapura semenjak hujung minggu lepas akibat makan bubor barli atau minum ayer barli.

Hampir empat puluh orang lagi yang di-dapati muntah2 dan sakit perut sa-telah makan bubor itu telah di-masokkan ka-rumah sakit untuk di-rawat.

Penyiasatan telah di-jalankan kerana menchari punca bahaya yang membawa maut itu. Ahli2 kimia berpendapat bahawa barli itu mengandongi rachun untuk memusnahkan serangga dan boleh membunuh manusia jika terma-kan.

Kementerian Pelajaran Singa-pura telah menghantar surat pe- keliling kepada semua sekolah2 memberi amaran supaya murid2

jangan makan barli atau minum ayer-nya.

Dalam pada itu kegemparan telah berlaku di-Kuala Lumpur, ibu kota Persekutuan Tanah Me- layu berikutan dengan kesakitan empat orang pekerja2 sa-buah

sharikat di-sebabkan oleh tersalah makan.

Mereka itu menderita sakit perut sa-telah meminum ayer barli.

Untuk menjauhkan bahaya ter- salah makan itu kedua2 Kerajaan Singapura dan Persekutuan telah menalalkan segala usaha bagi menchari bekalan2 barli yang di- bawa masuk ka-Singapura baha- ru2 ini.

Semetara itu orang ramai ada- lah di-nasihatkan supaya jangan makan atau membeli barli.

China Komunis desak Nehru undorkan askar India

NEW DELHI. — Perdana Menteri India, Tuan Nehru memberi tahu persidangan akh- bar di-sini baharu2 ini bahawa beliau tidak menjangka perseli- sehan sempadan antara India dengan China itu akan menim- bulkan peperangan walau kechil sa-kali pun.

Tuan Nehru telah menegaskan bahawa India berazam hendak mengelakkan tindakan yang me- nunjukkan kekuatan tentera ke- rana tindakan yang saperti itu ia-lah tindakan yang berupa tin- dakan balas.

Dalam pada itu jawatan kuasa

kerja kongres China Komunis di- Peking telah bersidang untuk membincangkan soal perseli- sehan dengan India itu.

Pemerhati2 berpendapat baha- wa ada kemungkinan jawatan kuasa kerja itu telah mendengar penyata Perdana Menteri China Komunis, Tuan Chou En-Lai mengenai perselisihan tersebut.

Tuan Chou telah menghantar surat kepada Tuan Nehru me- nudoh askar2 India menyerang dan menduduki kawasan2 China.

Beliau telah memberi amaran supaya askar2 dan pegawai2 pen- tadbir India di-kawasan2 yang di-perselisihkan itu di-tarek ba- lek.

Dalam surat itu Tuan Chou telah juga menyatakan bahawa beliau bersedia menyelesaikan perkara itu dengan perundingan.

Bahasa Melayu di-university

KUALA LUMPUR. — Tim- balan Perdana Menteri Perseku- tuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak bin Hussin telah menera- ngkan chara2 yang akan di-am- bil oleh kerajaan untuk menuboh- kan sa-buah university yang sa- benar2-nya berchorak kebang- saan.

Dalam majlis jamuan tamat pengajian yang di-adakan di-sini beliau berkata bahawa usaha se- dang di-jalankan bagi mengguna- kan bahasa Melayu sa-bagai ba- hasa perantaraan di-university itu.

Sharat2 melawat masjid

BANDAR BRUNEI.—Orang2 yang bukan Islam yang hendak melawat Masjid Omar Ali Sai- fuddin di-sini ada-lah di-minta terlebih dahulu memohonkan ke- benaran dari Pejabat Ugama, Brunei.

Ini ia-lah untuk menyenangkan pegawai2 masjid itu membuat persediaan kerana menyambut pelawat2 itu.

Pejabat Ugama terlatak di-ba- hagian bawah bangunan kerajaan dan oleh sebab pejabat itu di-tu- tup pada hari Juma'at, Ahad dan hari2 kelepasan am orang2 yang hendak melawat masjid pada ha- ri2 tersebut ada-lah di-nasihat- kan memohonkan surat2 kebena- ran itu terlebih dahulu.

MALAYA NA' PINJAM \$70 JUTA

KUALA LUMPUR. — Kera- jaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengumumkan baharu2 ini bahawa ia telah mengeluarkan bend2 untuk meminjam \$70 juta daripada orang ramai.

Wang itu akan di-gunakan un- tok melaksanakan ranchangan2 kemajuan negara.

Pinjaman pertama sa-banyak \$50 dengan faedah sa-banyak 5½% akan di-bayar balek di- antara tahun 1979 dan 1982 dan pinjaman kedua sa-banyak \$20 juta akan di-bayar balek pada tahun 1964 atas faedah 4½%.

Indonesia benarkan pinjaman

JAKARTA. — Kerajaan In- donesia telah mengambil keputu- san hendak membenarkan shari- kat2 insuren meminjam sa-hing- ga 25% dari wang simpanan me- reka yang telah di-bekukan da- lam bank.

Langkah ini telah di-ambil un- tok membolehkan sharikat2 itu mendapat modal kerana perni- gaan.

Berita2 dari wilayah2 mengata- kan bahawa harga barang2 telah mula turun akibat dari tindakan2 ekonomi yang di-jalankan oleh kerajaan.

Harga barang2 kemewahan te- lah di-turunkan oleh saudagar2 dalam perchubaaan mereka hen- dak mendapatkan wang tunai, kata berita2 itu.

Tindakan ekonomi kerajaan itu telah juga menyebabkan har- ga beras dan kain turun.

Ada-lah di-jangka bahawa Bank Indonesia tidak lama lagi akan mengeluarkan wang2 ker- tas baharu yang berharga 25 dan 10 rupiah.

10,000 DALAM PERARAKAN MAULUD DI-IBU KOTA PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR. — Lebih dari 10,000 orang telah berhim- pun di-Stadium Merdeka di-sini pada 14 September kerana meny- ambut Maulud Nabi s.a.w.

Antara mereka itu termasuk- lah kanak2 sekolah, anggota2 polis dan angkatan perang serta ahli2 pertubuhan Islam.

Rapat itu telah di-ikuti de- ngan perarakan dari stadium ter- sebut ka-masjid Jame di-sini.

Pada sa-belah petang-nya ja- muan teh telah di-adakan di- rumah Kesatuan Guru2 Melayu Selangor. Lebih 500 orang telah

di-undang termasuk, Perdana Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman dan wakil2 di- plomat di-sini. Antara acara sambutan maulud itu ia-lah pe- raduan mengarang cherita riway- at hidup Nabi s.a.w.

Peraduan itu terbuka kepada penuntut2 laki2 dan perempuan dan telah di-langsungkan sa-ma- lam.



Rombongan parlemen British yang terdiri dari Sir John Barlow, Tuan E. Farnyhouse, Tuan A. E. Oram dan Tuan W. J. Peel itu telah mengambil kesempatan melawat studio Brunei di-Bandar Brunei.

Mereka itu sampai di-Brunei pada 2 September dan telah ber- lepas ka-Jesselton dengan kapal terbang pada 5 September.

Dalam interview-nya dengan Radio Brunei Sir John, ketua rom- bongan itu, berkata bahawa beliau pernah melawat kawasan2 Bri- tish di-Borneo 20 tahun dahulu.

Sa-masa di-Brunei rombongan itu telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

Dalam gambar ini kelihatan ahli2 rombongan di-interview oleh sa-orang pegawai Radio Brunei. Interview itu telah di-rakamkan.